

## AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 39 RABU 24 SEPT., 1969 1389 رابو 12 رجب PERCHUMA

### Latehan tentera "Harimau Timah" di-seluruh negeri

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan Pulis Di-Raja Brunei sedang mengadakan latehan tentera di - seluruh negeri.

Latehan yang bermula semalam itu, di-berinama "Harimau Timah" dan akan berjalan selama sa-minggu.

Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Lt. Col. J. J. H. Simpson berkata, latehan tersebut ada - lah latehan biasa bertujuan untuk memberikan pulis dan tentera pengalaman yang luas dalam segi mempertahankan keselamatan, keamanan dan kemakmoran negara.

Lt. Col. Simpson berkata, latehan tersebut dan lain2 berikutnya pada tahun depan merupakan peluang ke-emasan kepada semua rakyat di-negeri ini, segala bangsa, tua muda menunujukkan bagaimana mereka bersatu padu dan bagaimana mereka boleh bekerjasama.

Beliau berkata, kejayaan latehan tersebut ada-lah bergantung kepada kerjasama yang di-berikan oleh orang ramai.

Dalam latehan Harimau Timah itu, pesawat2 helikopter, kereta2 perisai dan moto2 sangkut akan di-gunakan.

Pasokan 2/2 Gurkha Rifles dari Seria dan anggota Commando Brigade dari Singapura yang berpakaian hitam akan bertindak sa-bagai musuh dalam latehan itu.

Lt. Col. Simpson menegaskan bahawa walau pun ia-nya satu latehan, orang ramai dan orang2 kampung boleh-lah melaporkan kepada pehak pulis sa-barang kejadian2 ganjil yang mereka temui.

Lt. Col. Simpson berkata, an-chaman ka-atas negeri ini tidak ada, tetapi latehan serupa ini adalah perlu bagi menguji kekuatan untuk menentang sa-barang kejadian yang mungkin berlaku pada masa hadapan.



### D. Y. M. M. SELAMAT BERANGKAT KEMBALI KA-TANAH AYER

BANDAR BRUNEI.—Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah selamat berangkat kembali ka-tanah ayer dengan sa-buah kapal terbang Tentera Udara Di-Raja British pada hari Sabtu lepas sa-telah membuat lawatan rasmi ka-Johor sa-lama tiga hari.

Kemunchak lawatan Baginda ka-Johor itu ia-lah satu istiadat bagi menerima pengurniaan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Pangkat Pertama yang di-anugerahkan kepada Baginda oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor.

D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sedang turun dari kapal terbang sa-jurus keberangkatan tiba Baginda di-Lapangan Terbang Berakas.

Sa-baik2 sahaja kapal terbang yang membawa Baginda dan rombongan mendarat di-lapangan terbang Berakas pada pukul 2.10 petang, 21 das tembakkan meriam telah di-lepaskan oleh pasokan Mariam Pulis Di-Raja Brunei.

Duli Yang Maha Mulia di-iringi antara lain oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong Sahibol Bahar Muda Mohammad Bolkih dan Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Di-Lapangan Terbang, Baginda telah berangkat memereksa satu barisan kehormatan dan menerima tabek kehormatan dari satu pasokan Pulis Di-Raja Brunei yang diketuai oleh ASP Mustapha bin Ahmad. Pasokan Pancharagam Pulis Di-Raja juga turut hadir di-upachara tersebut.

Keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di-lapangan terbang telah di-sambut oleh pembesar2 negara dan pegawai kanan kerajaan, antara-nya termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, Ketua Surohanjaya Tinggi British, Awang E. W. Bird, Yang Amat Mulia Cheteria2, ketua2 jabatan, ahli2 majlis mashuarat dan pegawai2 perkhidmatan pentadbiran.

Do'a selamat atas keberangkatan tiba Baginda dan rombongan telah di-bachakan oleh Timbalan Kadzi Besar, Yang Di-Mulikan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Metali bin Mohammad Yassin.

Berita lanjut di-muka tengah.

### Dua orang lagi penuntut lanjutkan pelajaran di-U. K.

BANDAR BRUNEI. — Awangku Abdul Rahman bin Pengiran Haji Metussin telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Ahad lepas untuk melanjutkan pelajaran-nya di-Maktab Seni Lukis, Bournemouth.

Awangku Abdul Rahman yang mendapat biasiswa kerajaan, akan menuntut di-maktab tersebut sa-lama tiga tahun untuk mendapatkan diploma Rekaan Graph (Graphic Design).



Pada hari Khamis esok sa-orang lagi penuntut Brunei, Awang Sapawi bin Bolhassan di - jadualkan berlepas ka-United Kingdom untuk memasuki Universiti Teknologi, Loughborough.

Awang Sapawi yang melanjutkan pelajaran atas biasiswa kerajaan akan menuntut di-Universiti tersebut untuk mendapatkan ijazah kejuruteraan.

Beliau ia-lah bekas penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi pada tahun lalu.

Sementara itu, dalam Pelita Brunei keluaran 10 September yang lalu di-bawah tajok 'Enam belas orang penuntut lanjutkan pelajaran di-United Kingdom', dua dari 16 orang nama penuntut2 itu telah meninggal.

Mereka itu ia-lah Awang Mohammad bin Metussin dan Awang Bichara bin Kunchul.



Gambar2 atas dan kiri menunjukkan kerja2 pembenaan rancangan saluran ayer kotor di-Kuala Belait sedang berjalan dengan lancar.

## 35% PROJEK SALORAN AYER KOTOR DI-KUALA BELAIT/SERIA SELESAI

KUALA BELAIT. — Kira2 35 peratus kerja2 pembenaan projek sistem saluran ayer kotor di-kawasan bandar Kuala Belait-Seria telah selesai.

Projek yang menelan belanja kira2 \$11.2 juta telah dimulakan dalam bulan April 1968 dan di-jadualkan siap dalam bulan November 1970. Apabila siap nanti, projek tersebut akan membekalkan Kuala Belait dan Seria dengan sistem saluran ayer kotor yang moden.

Rancangan tersebut telah di-reka oleh Sharikat J. D. dan D. M. Watson, jurutera perunding yang di-lantik terasok mengawasi kerja2 itu bagi pehak kerajaan.

Pemborong-nya ia-lah Shari-  
kat Pembenaan China.

Projek tersebut antara lain akan melibatkan pembenaan sistem kekotoran termasuk steshen2 pengepam, paip2 saluran ayer kotor dan sambongan2 yang berjumlah kira2 30 batu.

Pemasangan saluran mengepam yang berjumlah enam batu telah siap di-bena.

Pada masa ini, kerja2 di-tumpukan bagi memasang saluran2 dan pembenaan steshen2 pengepam.

Apabila pembenaan steshen pengepam itu selesai nanti, rancangan itu akan mempunyai empat buah steshen pengepam yang utama — ia itu dua di-Kuala Belait dan dua di-Seria.

Projek tersebut juga akan mempunyai 19 buah steshen pengepam yang kecil — ia itu sa-puluh di-Seria dan yang lain-nya di-Kuala Belait.

Rancangan itu akan mengadakan chawangan dari saluran ayer kotor utama kepada sempadan2 kawasan rumah2 private dan tuan2 punyai rumah akan di-minta menyambong saluran ayer kotor dari rumah mereka ka-saluran ayer kotor besar itu.

Apabila siap nanti ayer kotor dari bangunan2 di-Seria dan Kuala Belait akan di-bawa ka-saluran ayer kotor dan di-pam keluar ka-sungai.

## Pameran urusan rumah tangga bagi Daerah Belait dan Tutong

SERIA. — Penyusun Pelajaran Dewasa, Awang Umar bin Muhamad telah berkata bahawa pelajaran dewasa kelas urusan rumah tangga pada masa ini bukan saja di-ajarkan di-bandar2 bahkan ia-nya telah juga di-ajarkan kepada kaum ibu di-luar2 bandar.

Penyusun Pelajaran Dewasa itu berkata demikian di-upacara pameran urusan rumah tangga bagi Daerah Belait dan Tutong yang di-adakan di-Sekolah Melayu Muhamad

Alam Seria pada hari Sabtu lepas.

Awang Umar berkata, keadaan hidup kaum ibu sekarang sudah jauh berbedza dari beberapa tahun yang lalu, mereka mengucapkan selamat tinggal kepada masa yang silam dan sekarang mereka tidak teragu2 memasoki berbagai lapangan pelajaran bagi memperbaiki chara hidup yang lebeh sempurna.

Awang Umar berkata, Kerajaan tidak-lah sia2 membelanjakan wang yang begitu banyak bagi faedah dan kemajuan kaum ibu seperti hasil-nya dapat di-buktikan pada masa ini.

Terdahulu sa-belum itu, Pengerusi Pameran, Pengiran Tuah bin Pengiran Haji Chuchu dalam ucapan-nya berkata, pelajaran kelas dewasa urusan rumah tangga bukan hanya terhad kepada orang2 Melayu saja bahkan ia-nya juga terbuka kepada semua bangsa penduduk di-negeri ini.

Pameran itu telah di-rasmikan oleh Puan Na'emah binte Razali, isteri Penulong Pegawai Daerah Belait. Dalam pameran itu pelajar2 kelas dewasa urusan rumah tangga Sekolah Melayu Mohamad Alam Seria telah mendapat yang berbaik dalam semua bahagian.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Datin M. MacInnes, isteri Pengarah Pelajaran Brunei.

## M.B. akan rasmikan

### Bintang Radio 1969

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan merasmikan Pertandingan Bintang Radio tahun 1969 di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran Dan Penerangan dan Dewan Bahasa Dan Pustaka pada 29 September ini, jam 7.30 malam.

Pertandingan itu yang kesembilan anjoran Bahagian Melayu Radio Brunei itu adalah untuk memilih johan dalam bahagian langgam dan asli.

Sa-ramai enam belas peserta yang mewakili semua daerah di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Radio Brunei akan mempersembahkan beberapa lawak jenaka dan beberapa penyanyi undangan juga telah di-undang untuk memberikan sumbangan di-majlis pertandingan itu.

Tiket2 berharga \$3.00, \$2.00 dan \$1.00 untuk menyaksikan pertandingan itu akan di-jual mulai hari ini di-Bangunan Radio Brunei, Bandar Brunei.

## Mashuarat

### J/K. pengakap

BANDAR BRUNEI. — Per-satuan Pengakap Daerah Brunei-Muara, akan mengadakan mashuarat bulanan jawatan-kuasa di-Ibu Pejabat Pengakap Negeri Bandar Brunei, pada petang esok.

Di-antara perkara yang akan di-binchangkan ia-lah berkenaan dengan Jambori Pengakap Thailand di-Chiang Mai sa-lama sa-minggu mulai 11 Disember.

Pengakap2 di-daerah Brunei-Muara yang ingin menghadhiri Jambori itu di-minta mengem-balikan borang2 permohonan-nya kepada Pesuruhjaya Penyusun Pengakap Negeri Pengiran Tajuddin bin Pengiran Ahmad, di-ibu pejabat - nya tidak lewat dari hari ini.

# SI-MISKIN BERDO'A UNTUK KAYA BILA KAYA TIMBUL "KARIT"

ISLAM tidak-lah memusohi kekayaan, bahkan Islam menyuruh pemeluk2-nya berusaha untuk mencapai kehidupan yang mulia dan bahagia baik di-dunia mahupun di-akhirat asalkan kemuliaan dan kebahagiaan itu menurut ajaran2 Islam.

Dalam pada itu, oleh kerana manusia mempunyai sifat2 yang tertentu maka di-dapati di-antara manusia itu ketika ia hidup dalam kemiskinan dan kesangsaraan ia mempunyai hasrat yang besar dan berchita2 atau berangan2 jika sa-kiranya ia mempunyai kekayaan, maka kekayaan-nya itu akan di-pergunakan - nya untuk kebaikan menurut ajaran Islam dan untuk bersedekah bagi maksud kepentingan umum.

Perkara ini pernah terjadi di-zaman Rasulullah s.a.w dan telah terchatet dalam Al-Koran Al-Karim ayat 75 hingga 78 dari Suratul-Taubah yang bermaksud:

## AYAT KORAN

"Dan di-antara mereka itu ada yang telah berjanji kepada Tohan ia-itu sa-sungguh-nya jika Tohan memberikan kurnia-nya kepada kami, maka sa-sungguh-nya kami akan bersedekah dan kami akan menjadi dan termasuk ka-dalam golongan orang2 yang baik. Maka sa-telah Tohan memberikan sa-bahagian daripada kurnia-nya kepada mereka itu ternyata mereka itu telah menjadi bakhil dan karit serta mereka berputar belit dan mereka menjadi orang yang menentang, tidak mengindahkan ajaran2 ugama, hal itu mengakibatkan nafik atau kepalsuan iman dalam hati mereka hingga hari mereka itu bertemu dengan Tohan kerana mereka memungkir apa yang telah mereka janjikan kepada Tohan dan kerana mereka telah berdusta, adakah mereka tidak tahu bahawasa - nya Allah mengetahui akan rashia dan bisikan mereka, dan sa-sungguh-nya Allah itu amat mengetahui akan segala perkara yang tersembunyi."

Menurut riwayat bahawasa-nya sebab ayat2 suchi itu diturunkan ia-lah pada suatu hari datang sa-orang daripada kaum Ansar bernama Thaklabah kepada Rasulullah s.a.w. dan menjunjung supaya Rasulullah akan mendo'akan-nya agar Allah mengurniakan-

## KHUTBAH JUMA'AT

Manusia ketika hidup dalam kemiskinan dan kesangsaraan berchita2 untuk kaya dan berhasrat untuk menggunakan kekayaan itu untuk kebaikan menurut ajaran Islam dan akan bersedekah bagi maksud kepentingan umum, tetapi ia menjadi bakhil dan karit apabila menerima kekayaan itu.

nya harta kekayaan, maka Rasulullah pun bersabda yang bermaksud:

"Kasehan engkau Thaklabah, harta yang sedikit kau bersukor, ada-lah lebeh baik daripada harta yang banyak sedangkan engkau tidak dapat menanggung-nya". Mendengar jawapan itu Thaklabah memohon sekali lagi, Rasulullah pun bersabda yang bermaksud:

"Adakah engkau tidak redha dengan kurnia Tohan yang ada seperti Nabi Allah (Aku), maka sa-sungguh-nya kalau aku berkhendakkan bukit menjadi emas dan perak, maka Tohan akan menjadikan sa-demikian. Mendengar sabda Rasulullah s.a.w. maka Thaklabah pun berkata2

"Demi Tohan mengutus tuan dengan kebenaran, sa-kira-nya tuan berdo'a kepada Allah dan saya di-beri-nya rezeki harta kekayaan, maka kekayaan itu akan saya berikan kepada sa-

tiap yang berhak menerimanya. Mendengar janji Thaklabah itu, maka Rasulullah s.a.w. itu pun mendo'akan supaya Thaklabah di-kurniai kekayaan.

## KAYA

Sa-sudah itu, Thaklabah pun menjadi kaya dengan perusahaan berternak kambing. Oleh kerana ia sibok dengan perusahaan itu, pada mula-nya ia hanya sempat bersembahyang dzohor dan ashar berjemaah dan meninggalkan yang lain-nya, dan apabila perusahaan-nya semakin besar, dia telah meninggalkan sembahyang kechuali sembahyang Jumaat sahaja, tetapi oleh kerana kekayaan makin membesar dan bertambah, maka sembahyang Jumaat pun ditinggalkan-nya.

Perkara ini di-ketahui oleh Rasulullah s.a.w., maka Rasulullah pun bersabda:



"Kasehan Thaklabah" di-ulangi-nya sa-banyak tiga kali.

Sa-sudah itu turun-lah ayat Al-Koran yang memerintahkan supaya di-kutip zakat daripada orang2 kaya. Rasulullah pun menyuruh orang pergi kepada Thaklabah untuk mengutip zakat — Thaklabah tidak mahu mengeluarkan zakat, bahkan menentang akan hukum Tohan itu. Maka turun-lah ayat2 suchi dari suratul Taubah ayat 75 hingga 78 yang di-sebutkan tadi.

## ZAKAT

Apabila Thaklabah mengetahui akan ayat2 suchi Al-Koran itu, ia-pun mengadap Rasulullah s.a.w. bersama2 dengan zakat - nya, tetapi Rasulullah bersabda yang bermaksud:

"Bahawasa-nya Allah melarang aku daripada menerima zakat mu itu". Demikian-lah keadaan Thaklabah yang mana zakat-nya tidak diterima oleh Rasulullah, hingga-lah baginda wafat, keadaan ini di-ikuti oleh Saidina Abu Bakar, Saidina Omar dan Saidina Othman, dan Thaklabah meninggal dalam zaman pemerintahan Saidina Othman."

Demikian-lah kesah manusia kaya yang bakhil yang tidak bersukor kepada Allah. Oleh itu ada-lah di-ingatkan kepada kaum muslimin bahawasa-nya berusaha untuk mencari kekayaan itu tidak-lah dilarang oleh ugama, bahkan digalakan, tetapi kita hendaklah tundok kepada ajaran2 Allah, dan memberikan sa-bahagian yang tertentu daripada kekayaan kita itu kepada orang2 yang berhak menerimanya.

### Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 24 Sept., 1969 hingga ka-hari Selesa 30 Sept., 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—*

Hari	Matahari						
	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh Terbit
24 Sept.	12-21	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
25 Sept.	12-21	3-36	6-23	7-35	4-37	4-52	6-09
26 Sept.	12-18	3-35	6-21	7-35	4-36	4-51	6-08
27 Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
28 Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
29 Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08
30 Sept.	12-18	3-35	6-21	7-33	4-36	4-51	6-08

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.*

24 Sept., 1969

## MUhibbah Yang Makin Mendalam

**D**ULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan rombongan telah selamat berangkat pulang ka-tanah ayer sa-telah mengadakan lawatan rasmi sa-lama tiga hari ka-Negeri Johor, Malaysia. Ini ada-lah merupakan lawatan Baginda yang pertama keluar negeri yang di-buat sa-chara rasmi semenjak Baginda menaiki takhta Kerajaan pada 5 Oktober, 1967.

Di-sepanjang lawatan Baginda ka-negeri itu sambutan2 yang meriah telah di-berikan yang bukan hanya di-kalangan pembesar2 negeri itu bahkan juga di-kalangan rakyat Negeri Johor sendiri. Menurut laporan akhbar2 di-Malaysia bahawa lawatan itu ada-lah amat bersejarah yang bukan hanya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dengan Bintang Kebesaran yang paling tinggi bagi Negeri Johor bahkan juga telah dapat mengeratkan lagi tali persaudaraan dan persahabatan antara Johor dan Brunei. Bintang Kebesaran yang di-anugerahkan oleh Baginda Sultan Johor kepada D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei itu ia-lah Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Pangkat Pertama.

Tidak shak lagi bahawa tali persaudaraan yang sa-memangnya ada menurut sejarah antara kerabat Di-Raja Johor dan kerabat Di-Raja Brunei itu telah dapat di-eratkan lagi berikutan dengan lawatan rasmi itu dan ini juga dengan tidak sa-chara langsung telah dapat menimbulkan perhubungan muhibbah antara rakyat kedua2 negeri ini selaras dengan cita2 Negeri Brunei untuk menanamkan rasa muhibbah dengan jiran2 tetangga.

Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor telah menifatkan lawatan Baginda itu sa-bagai satu titik sejarah yang akan mengeratkan lagi tali persaudaraan dan berharap supaya perhubungan itu akan dapat di-kekalkan untuk sa-lama2-nya.

Ketika membalas titah ucapan Baginda Sultan Johor itu, D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melahirkan perasaan gembira Baginda di-atas pengurniaan itu di-samping mengucapkan terima kasih dan menghargai jempunan ka-Negeri Johor itu.

Pada umum-nya lawatan Di-Raja itu telah dapat menimbulkan kesan2 yang baik dan telah dapat menanamkan perasaan muhibbah yang semakin mendalam yang faedah2-nya amat besar bagi masa hadapan.



▲ D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei kelihatan menadah tangan ketika do'a selamat di-bachakan sa-jurus sa-belum Baginda dan rombongan berangkat ka-Johor.

► D.Y.M.M. berjabat salam dengan Yang Amat Mulia Pengiran Perdana Cheteria, Pengiran Anak Haji Kamis yang mengetuai barisan Cheteria2 yang menyambut ketibaan Baginda di-Lapangan Terbang Berakas.



# SAMBUTAN MERIAH DI-JOHOR SEMPENA LAWATAN D.Y.M.M.

**D**ULI Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dan rombongan telah selamat berangkat pulang ka-tanah ayer sa-telah mengadakan lawatan rasmi sa-lama tiga hari ka-Johor, Malaysia. Baginda dan rombongan telah berangkat pada hari Khamis, 18 September dan selamat berangkat pulang ka-tanah ayer pada hari Sabtu, 20 September, 1969 yang lalu.

Turut serta dalam rombongan Baginda itu termasuklah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan, Yang Teramat Mulia Paduka Duli Pengiran Temenggong dan Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Dalam masa keberangkatan tiba Baginda dan rombongan di-Johor Bahru telah di-sambut dengan meriah-nya oleh sa-genap lapisan rakyat di-negeri itu.

Akhbar2 Malaysia melaporkan bahawa kira2 10,000 kanak2 sekolah dan orang ramai telah berbaris di-sepanjang jalan raya sa-jaub tiga batu sambil mengibarkan bendera dan meneriak "selamat datang Tuanku" sa-baik2 saja kereta yang membawa Baginda masuk ka-Bandar Johor Bahru.

Terdahulu dari itu, ketibaan Baginda dan rombongan di-Lapangan Terbang Paya Lebar Singapura



◀ D.Y.M.M. sedang di-ziarahi oleh Yang Berhormat Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Paduka Awang Md. Taib sa-jurus sa-telah Baginda dan rombongan berangkat tiba dari lawatan ka-Johor. Kelihatan juga dalam gambar ini yang sama2 mengalu2kan keberangkatan tiba Baginda ia-lah Pegawai Pemerintah AMDB, Lt. Col. J. J. H. Simpson.

telah di-sambut oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Johor, Y.T.M. Raja Muda Johor, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan pegawai2 Kerajaan Negeri Johor.

Turut menyambut ketibaan Baginda dan rombongan ia-lah Setiausaha Parlimen Kementerian Hal-Ehwal Luar Singapura yang mewakili pemerintah republik itu dan A.D.C. kepada Presiden Yusof Ishak yang mewakili beliau.

Ketibaan Baginda dan rombongan di-Istana Stulang, Johor Bahru telah di-alu2kan oleh Yang Di-Pertua Jemaah Majlis Di-Raja Johor, Dato Abdul Rahman Mohd. Yassin dan ahli2 jemaah yang lain.

Seluruh Bandar Johor telah di-hias indah dengan pintu2 gerbang dan bendera2 yang berkibaran dari bangunan2 di-bandar itu mengambil sempena lawatan rasmi yang pertama kali-nya sa-lama tiga hari Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei. Ini juga merupakan lawatan rasmi Baginda yang pertama kali-nya keluar negeri sejak Baginda menaiki takhta Kerajaan.

Pada hari Jumaat, 19 September Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka-Istana Besar Johor bagi istiadat menerima pengurniaan Darjah Kerabat Yang Amat Di-Hormati Pangkat Pertama yang telah di-kurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor menurut Adat Istiadat Raja2 Melayu. Istiadat yang penuh bersejarah itu telah berjalan sa-lama kira2 30 minit dan telah di-saksikan oleh kira2 500 orang pembesar2 negeri dan orang2 kenamaan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor dalam titah Baginda telah menifatkan lawatan rasmi Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei itu sa-bagai satu titik sejarah yang akan mengeratkan lagi tali persaudaraan antara rakyat kedua2 buah negeri. Baginda berharap bahawa persahabatan dan persaudaraan itu akan dapat di-kekalkan untuk sa-lama2-nya.

Mengenai pengurniaan itu, Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor bertitah: "sa-bagai penghormatan dan penghargaan dan tali persaudaraan dan persahabatan, dengan sukachita-nya dan hati yang penuh ikhlas beta mengurniakan Darjah Kebesaran Negeri Johor kepada Paduka Anakda".

Baginda berdo'a semoga di-berkati Tohan akan pengurniaan itu — mudah2an barang di-lanjutkan usia Paduka Anakda — di-anugerahi taufik dan hidayah — sihat walafiat bertambah2 daulat kebesaran, aman makmor serta kekal bersemayam di-atas takhta Kerajaan Brunei.

Sementara itu, ketika membalas titah Baginda Sultan Johor, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melahirkan perasaan gembira Baginda di-atas pengurniaan itu.

Baginda bertitah: "Dengan hati yang tulus ikhlas, Paduka Anakda mengucapkan sa-tinggi2 terima kasih di-atas kurniaan yang telah ayahanda perkenankan itu dan anakda amat hormat serta mengucapkan terima kasih kerana sudi menjemput Paduka Anakda ka-Johor".

"Anakda berdo'a semoga di-lanjutkan usia ayahanda, kekal memerintah Negeri Johor dalam keadaan sihat dan aman makmor", titah Baginda.

Sa-baik2 saja selesai memberikan ucapan titah balas itu, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah menghadiahkan dua buah bungkusan chenderamata bernilai berbalut dengan kain kuning kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor sa-bagai kenang2an sempena lawatan Baginda ka-Johor.

Terdahulu dari itu, keberangkatan tiba Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-tangga agong Istana Besar telah di-alu2kan oleh Yang Teramat Mulia Tengku Mahkota Johor dan isteri-nya Tengku Shariah, Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan Datin, Yang Di-Pertua Jemaah Majlis Di-Raja Johor, Dato Abd. Rahman Mohd. Yassin dan isteri-nya di-ikuti dengan lagu Kebangsaan Negeri Brunei yang di-mainkan oleh Pancharagam Angkatan Tentera Laut Malaysia.

Istiadat itu berakhir dengan bacaan do'a selamat oleh Mufti Johor, Haji Abd. Rahim bin Haji Yunus dan di-ikuti dengan jamuan teh.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah juga berangkat bagi menunaikan sembahyang fardhu Jumaat di-Masjid Sultan Abu Bakar Johor Bahru dan santap tengah hari sa-chara private di-Istana Bukit Sirin.

Pada sa-belah malam-nya, Baginda dan rombongan telah menghadiri jamuan Kerajaan yang telah di-langsungkan di-Istana Besar bagi meraikan lawatan Baginda itu.



▲ D.Y.M.M. sedang memereksa barisan kehormatan yang terdiri dari pasukan Polis Di-Raja Brunei sa-belum Baginda dan rombongan berangkat ka-Johor.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan telah juga menyertai rombongan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam lawatan ka-Johor. Gambar atas kelihatan Duli Yang Teramat Mulia menadah tangan ketika bacaan do'a selamat sa-jurus sa-belum rombongan di-Raja itu berangkat ka-Johor. Di-belakang Duli Yang Teramat Mulia ia-lah Timbalan Pesuruhjaya Polis Di-Raja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja, Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid.

◀ Ketibaan Baginda dan rombongan juga telah di-sambut dengan barisan kehormatan dari Polis Di-Raja Brunei. Gambar ini menunjukkan Baginda sedang memereksa perbarisan itu.



► Gambar ini menunjukkan, Baginda sedang berjabat salam dengan Yang Di-Mulihkan Pehin Penyurat Haji Hashim di-antara Pengiran2, Pehin2 dan orang2 yang bergelar yang sama2 mengucapkan selamat berangkat kepada Baginda. Nombor dua dari kiri ia-lah Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abd. Rahim.



## 90 ORANG SERTAI PERADUAN TALENTIME

BANDAR BRUNEI. — Dayang Evelyn Wong (gambar kanan) salah sa-orang peserta yang telah terpilih memasuki peraduan Talentime perengkat akhir pada tahun lalu, sa-kali lagi akan mengadu nasib-nya pada tahun ini.

Dayang Evelyn ia-lah salah sa-orang peserta wanita yang akan mengambil bahagian dalam peranyian perseorangan dalam peraduan tersebut.

Sa-banyak 90 permohonan telah di-terima apabila tarikh penerimaan di-tutup pada minggu lalu. Dari jumlah tersebut sa-ramai 60 peserta lelaki, 13 peserta perempuan dan 17 akan mengambil dalam bahagian kumpulan.

Penerbit pertandingan Talentime 1969, Awang Andrew Phang berkata, pemilihan pertama akan diadakan di-Studio Radio Brunei, Kuala Belait pada 28 September mulai jam 9.00 pagi.

Sa-ramai 10 orang peserta perseorangan akan mengambil bahagian dalam pemilihan pertama itu, dan rakaman-nya akan dapat di-dengar melalui Radio Brunei pada 2 Oktober hadapan.

Rakaman2 pemilihan akan di-siarkan dari masa kasesema.

Pertandingan perengkat akhir di-jadualkan akan diadakan di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, Bandar Brunei dalam bulan Disember hadapan.

Awang Bol Hassan Ibrahim, salah sa-orang peserta Melayu yang menyertai pertandingan tersebut dalam nyanyian perseorangan.



## Dua orang pegawai pentadbir berkursus di-U. K.

BANDAR BRUNEI. — Dua orang pegawai pentadbir Brunei telah berlepas ka-United Kingdom pada minggu lalu untuk menghadiri kursus pentadbiran awam Maktab Teknikal, Torquay.

Mereka ia-lah Awangku Omar bin Pengiran Sabtu dan Awang Abdul Aziz bin Mohammad.

Mereka akan berada disana sa-lama sa-tahun.

## 1,886 kampil baja di-berikan perchuma kapada peladang2

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Pertanian telah membahagikan 1,886 kampil atau bersamaan 46.8 tan baja jenis NPK atau yang lengkap kapada sembilan ratus dua puluh enam orang peladang di-empat buah daerah di-negeri ini.

Baja2 itu di-bahagikan dengan perchuma kapada peladang2 yang memohon di-bawah rancangan untuk menambahkan hasil tanaman padi di-negeri ini.

Dari jumlah itu 945 kampil di-bahagikan kapada 454 orang peladang di-Daerah Brunei-

Muara; 867 kampil kapada 400 orang peladang di-Daerah Tutong; 16 kampil kapada 16 orang peladang di-Daerah Belait dan 58 kampil kapada 56 orang peladang di-Temburong.

Pengarah Pertanian Awang K.G. Malet berkata, semua peladang2 telah di-berikan baja2 tersebut kechuali pemohon dari Daerah Belait.

Kata-nya, kira2 105 orang peladang di-Ulu Belait belum lagi menerima baja jenis NPK bagaimana pun persediaan sedang di-buat untuk menghantarkan baja2 itu kapada pemohon2 yang belum lagi menerima-nya.

Baja jenis NPK di-gunakan semasa balong perengkat akhir, dan tiap2 satu kampil yang berat-nya 55 pound di-gunakan untuk satu ekar tanah ladang.

Jabatan pertanian juga akan memberikan satu lagi baja jenis Urea yang biasa-nya di-gunakan sa-lepas 3 atau 4 minggu tanaman semula.

Tahun lalu 2,931 kampil baja jenis sulphate ammonia dan Urea telah di-bahagikan kapada 1,508 orang peladang di-negeri ini, dan ia-nya di-gunakan untuk 5,329.75 ekar ladang padi kawasan tanah rendah.

## Bayaran pas haji di-turunkan

BANDAR BRUNEI. — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwat Ugama telah mengumumkan bahawa bayaran pas2 haji yang dulu-nya dikenakan \$20.00 tiap2 sa-orang telah di-turunkan kapada \$15.00.

Pegawai Urusan Haji, Awang Mohammad Kassim bin Haji Ahmad, berkata, bayaran pas2 haji sa-banyak \$15.00 itu hanya di-kenakan kapada bakal2 haji yang akan pergi dengan kapal laut sahaja.

Awang Mohammad Kassim berkata, bakal2 haji hendaklah menyerahkan bayaran pas2 haji itu ka-pejabat2 ugama di-Daerah masing2.

Di-samping itu, Awang Mohammad Kassim juga mengingatkan kapada bakal2 haji yang telah mendapat surat2 pengakuan kesihatan dari pegawai2 perubatan supaya menyerahkan surat pengakuan itu kapada Jabatan Hal Ehwat Ugama dengan se-beberapa segera.

## PERKHIDMATAN POS SUNGAI DI-PERLUAS KA-KAMPONG2 DI-ULU TEMBURONG

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Perkhidmatan Pos telah meluaskan perkhidmatan pos sungai-nya ketiga puluh buah kampung di-Daerah Temburong.

Moto bot yang berpangkalan di-Bangar akan pergi ka-kampung2 di-kawasan Ulu Pandaruan pada tiap2 hari Isnin pada minggu pertama dan ketiga tiap2 bulan.

Moto2 bot itu akan pergi ka-kampung2 di-kawasan Ulu Amo pada tiap2 hari Rabu minggu pertama dan ketiga tiap2 bulan.

Pada tiap2 hari Khamis minggu pertama dan ketiga tiap2 bulan moto2 bot itu akan hanya pergi ka-Kampung Biang Tengah.

Moto2 bot itu juga akan pergi ka-kawasan Ulu Batu Apoi pada tiap2 hari Isnin minggu kedua dan ke-empat tiap2 bulan.

Pada hari Selesa minggu kedua dan ke-empat tiap2 bulan, bot2 itu akan pergi ka-kawasan Labu Estate.

Kampung2 yang akan dilawati oleh bot2 itu ia-lah:

Kawasan Ulu Pandaruan:— Ujong Jalan, Belais, Bokok Meniup, Bakarut, Sembatang, Kenua, Lepong Lama, Lepong Baru, Semabat dan Temada.

Kawasan Ulu Batu Apoi:— Batu Apoi, Nagalang, Tanah Merah, Lamaling dan Selapon.

Kawasan Labu Estate:— Perdayan, Labu Estate, Senukok dan Piasau2.

Ketua Pos Agong, Haji Awang Ali Khan berkata, perkhidmatan pos itu akan terhad kapada penjualan setem dan menerima surat2 biasa.

## Kejohanan tinju amateur

BANDAR BRUNEI. — Kejohanan Tinju Amateur Negeri Brunei 1969 akan di-adakan pada 9 dan 10 Oktober di-Dewan Kemasyarakatan Bandar Brunei.

Pertandingan itu terbuka kapada semua ahli2 tinju di-negeri ini.

Borang2 masok bertanding boleh di-dapati dari Setia

Usaha Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei di-alamat peti surat 537, Bandar Brunei. Awang James Tai, Pejabat Tali-kom, Bandar Brunei dan Inspector Walter Boyd, di-Balai Pulis Seria.

Semua borang2 yang telah di-isikan hendaklah di-kembalikan tidak lewat dari 1 Oktober, 1969.

# Sa-bagai Imam dan Khatib **Jawatan-Jawatan Kosong** Di-Jabatan Kebajikan Masharakat

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa - bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

- a) IMAN — 1 jawatan Bagi Masjid Utama Mohammad Salleh Pekan Bangar, Temburong.
- b) KHATIB — 1 jawatan Bagi Masjid Utama Mohamad Salleh Pekan Bangar Temburong.

**Kelayakan2:**

Hanya orang2 yang tinggal di-daerah Temburong di - kehendaki memohon:—

- a) Pemohon2 mesti-lah berumur di - antara 20 hingga 45 tahun.
- b) Mesti-lah mahir dalam bacaan Al-Koran dan mengetahui hukum2 Uga-ma Islam.
- c) Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Fardhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- d) Pemohon2 mesti-lah bersedia memasuki peperiksaan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

**Gaji:**

- a) IMAN — Dalam sukatan gaji U. 4 — \$260 x 10 — 520.
- b) KHATIB — Dalam sukatan gaji U. 3 — \$220 x 10 — 430.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 8 Oktober, 1969.

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Kebajikan Masharakat, Brunei.

(a) **Penjaga Kolam**

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah VI Sekolah Melayu.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1 — 2 \$200 x 10 — 230/240 x 10 — 270.

(b) **Penjaga Bilek Bachaan/**

## Di-Jabatan Talikom

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong di - Jabatan Talikom, Brunei.

(a) **Talipon Operator Perempuan Tingkat II** (2 bagi Bandar Brunei dan 2 bagi Kuala Belait).

**Kelayakan2:**

- (a) Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 17 dan 25 tahun.
- (b) Mesti-lah lulus sekurang2-nya Form II Ingeris atau yang bersamaan.
- (c) Keutamaan akan diberi kepada mereka yang mahir berchakap dalam bahasa Melayu dan Ingeris.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1-2 \$200 x 10 — 270.

**Perpustakaan**

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan lulus sekurang2-nya Darjah VIII Sekolah Melayu.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji E. 1 — 2 EB 3 — \$200 x 10 230/240 x 10 — 270/EB 280 x 10 — 330.

Pemohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak - lah di - kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 28 September, 1969.

## Sa-bagai Pemandu Tingkat I

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan2 Pemandu Tingkat I di-Jabatan Perubahan dan Kesihatan, Brunei.

**Kelayakan2:**

Pemohon2 mesti - lah mempunyai lisen memandu dengan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu. Mereka mesti-lah juga pemandu2 yang berpengalaman dan boleh memperbaiki kerosakan2 kecil.

**Tugas2:**

Pemohon2 mesti - lah bersedia menjalankan tugas2 siang atau malam di-mana2 daerah di-Negeri ini.

**Gaji:**

Dalam sukatan gaji F. 3 EB 4 — \$200 x 5 — 220/EB/ 225 x 5 — 240.

Pemohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Jabatan siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 Oktober, 1969.

## SI-TUYU oleh:m.salleh ibrahim





## Chenderamata Kenangan Berpuspa untuk kanak2 sekolah

BANDAR BRUNEI. — Jawatankuasa Kechil Bahagian Chenderamata Kenangan Berpuspa akan menghadaikan 40,000 biji chawan chenderamata berpuspa kepada semua murid2 sekolah dan guru2 di-negeri ini.

Sa-orang juruchakap jawatankuasa pembahagian hadiah itu berkata, hadiah yang berupa chawan itu ada-lah mengambil sempena Hari Kepuspan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada 1 Ogos tahun lepas.

Juruchakap itu menyatakan, hanya murid2 yang masuk bersekolah sa-belum tarikh tersebut saja akan di-berikan hadiah itu. Hadiah chenderamata itu juga akan di-berikan

kapada semua penuntut2 di-seberang laut yang mendapat biasiswa kerajaan Brunei.

Chawan itu berukuran 3 $\frac{3}{4}$  inchi tinggi dan 3 inchi buka, di-sebelah tepi-nya mengandungi gambar wajah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri.



Bentuk chenderamata yang akan di-hadaikan itu.

Bendera peribadi Duli Yang Maha Mulia dan bendera Kerajaan serta tulisan yang menandakan hari kepuspan juga di-ukir pada chawan itu.

Pembahagian hadiah chenderamata itu akan di-lakukan pada awal bulan depan, sa-baik2 saja daftar murid2 dan guru2 di-perolehi.

BANDAR BRUNEI. — Yang Di-Pertua Pertubohan JCI Sa-Dunia, Awang Thomas E. Gates telah melawat ka-Brunei sa-lama tiga hari mulai 17 September lepas dalam siri lawatan-nya ka-pertubohan JCI di-seluruh dunia.

Beliau tiba di-Brunei dari Sibu melalui Miri pada petang 17 September dan pada sebelah malam-nya beliau telah menjadi tetamu kapada pegawai2 dan ahli2 Jaycee Bandar Brunei dalam satu jamuan yang telah di-adakan di-Royal Yatch Club.

Semasa berada di-sini, Awang Thomas telah sempat mengadakan pertemuan dengan Pemangku Setia Usaha Kerajaan dan Pesuruhjaya Kebajikan.

Gambar atas menunjukkan ketika beliau mengadakan pertemuan dengan Pesuruhjaya Kebajikan, Yang Di-Mulikan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa, Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri (kanan sekali) di-pejabat-nya pada 18 September.

Lain2 kelihatan dalam gambar itu (dari kanan) Yang Di-Pertua Jaycee, Bandar Brunei Awang Anthony Tan, Awang Thomas, Bendahari Jaycee, Bandar Brunei, Awang Zainuddin Dato Marsal dan Naib-Yang Di-Pertua Jaycee Bandar Brunei, Ak. Haji Mohammad.

## Upacara penyampaian sijil2 trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai 94 orang pelajar2 Trengkas dan Menaip yang telah lulus pepeiksaan tahun 1968 dan awal tahun 1969 akan menerima sijil2 mereka dalam satu upacara khas yang akan di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu Puser Ulak Bandar Brunei pada 29 September ini jam 8.00 pagi.

Pepeiksaan2 itu di-anjorkan oleh Trengkas Melayu Institute Malaysia dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Sa-ramai 72 orang dari me-reka akan menerima sijil Menaip, 33 orang menerima sijil peringkat permulaan, 25 menengah dan 14 tertinggi.

Dua puluh dua orang akan menerima sijil Trengkas, 15 peringkat permulaan, 4 menengah dan 3 tertinggi.

Semua sijil2 itu di-jadualkan akan di-sampaikan oleh Pengarah Trengkas Melayu Institute Malaysia di-Singapura, Tuan Haji Abdul Rahman bin Haji Hassan yang akan datang ka-Brunei atas undangan Persatuan Trengkas Melayu Brunei.

Dua orang lagi Guru Trengkas dan Menaip yang telah lulus kursus Setiausaha Perdagangan Peringkat Rendah di-Singapura tahun lalu juga akan menerima sijil2 mereka di-upacara itu.

Mereka ia-lah Awang Abdul Halim bin Jamal dan Awang Abdullah bin Mohamad Tahir. Kedua2 mereka telah di-hantar oleh Kerajaan melalui Jabatan Pelajaran Bahagian Pelajaran Dewasa.

Sementara itu sa-orang juruchakap Persatuan Trengkas mengingatkan kapada semua guru2 kelas Trengkas dan Menaip supaya mengarahkan semua pelajar2 mereka hadir ka-majlis penyampaian sijil2 terutama kapada me-reka yang mengambil bahagian dalam peraduan baru2 ini.

## 4 orang wakil Daerah Tutong ka-peraduan perengkat negeri

PEKAN TUTONG. — Empat orang peserta — dua lelaki dan dua perempuan telah di-pilih untuk mewakili Daerah Tutong ka-peraduan membaca Al-Koran perengkat negeri yang akan di-adakan di-Lagoon Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dalam bulan hadapan.

Mereka ia-lah Awang Yusof bin Donglah, Awang Alimas bin Mohammad Daud, Dayang Latifah binte Libut dan Dayang Zaimah binte Jeneh.

Ke-empat2 peserta itu telah di-pilih sa-telah berjaya menyangand johan dan naib johan

dalam peraduan membaca Al-Koran perengkat Daerah Tutong yang telah berlangsung di-Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong pada malam Ahad lepas.

Sa-ramai 23 orang peserta termasuk sembilan orang wanita telah mengambil bahagian dalam peraduan tersebut.

Peraduan tersebut telah di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh dan hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Awang Abdul Wahab bin Orang Kaya Setia Negara Mohammad Safar.

## PULIS TANGKAP PENUNTUT2

BANDAR BRUNEI. — Chawangan Khas Pulis Di-Raja Brunei telah menangkap beberapa orang penuntut dari Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin dan Sekolah Menengah Melayu Pertama di-Bandar Brunei pada awal pagi semalam hari Selasa 23 September.

Mereka itu telah di-tangkap di-bawah Perintah Dharurat tahun 1962.

Kerajaan dalam satu kenyataan berkata, penangkapan itu merupakan suatu langkah penting dalam penyiasatan yang telah berjalan sejak beberapa bulan yang lalu.